



TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

DI MAJLIS PERASMIAN
PERTANDINGAN FUTSAL
PIALA KETUA SETIAUSAHA NEGARA
TAHUN 2013

17 FEBRUARI 2013 (AHAD)
KOMPLEKS FUTSAL PUTRAJAYA
PRESINT 18, PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh

Selamat Pagi dan salam sejahtera

Yang Berbahagia Datuk Othman bin Hj. Mahmood

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Merangkap

Presiden Kelab Bukit Perdana

Yang Berbahagia Datuk-Datuk,

Ketua-Ketua Jabatan di Jabatan Perdana Menteri,

pegawai-pegawai kanan, dan seterusnya para peserta Pertandingan

Futsal JPM 2013 yang dihormati sekalian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah

SWT kerana dengan izin Nya jua dapat kita berkumpul di Kompleks Futsal

Putrajaya bagi menjayakan Pertandingan Futsal Jabatan Perdana Menteri

2013.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pemain yang turut serta dalam pertandingan yang diadakan pada hari ini. Saya amat menghargai penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan pertandingan ini sejajar dalam usaha mewujudkan perkhidmatan awam yang bukan sahaja berkualiti dalam penyampaian perkhidmatan, malah aktif dalam aktiviti sukan dan riadah.

Pada hemat saya penyertaan warga JPM pada setiap tahun cukup memberangsangkan dan ini mempamerkan semangat muhibah, persefahaman dan keharmonian di kalangan ahli, dan untuk itu syabas saya ucapkan kepada semua para peserta dan saya berharap semangat ini akan diteruskan lagi demi kesejahteraan JPM dan Kelab Bukit Perdana amnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Aktiviti sukan & riadah merupakan wahana kepada kita dalam mencari dan menggilap bakat disamping mengeratkan keakraban di kalangan warga jabatan. Saya percaya pertandingan yang dianjurkan ini mampu melatih dan melahirkan pemain-pemain futsal yang akan mengukir nama JPM di

persada sukan negara mahupun antarabangsa. Di samping kesihatan merupakan faktor penting dalam menjamin kualiti kerja yang baik, pertandingan ini juga bertepatan dengan hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

”Akal yang sihat hadir dari badan yang cergas”.

Ini jelas membuktikan betapa pentingnya aturan hidup ini disulami dengan aktiviti sukan dan rekreasi yang akhirnya akan mengharmonikan setiap tugas yang dipikul ke arah kecemerlangan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pertandingan futsal JPM ini merupakan program tahunan yang bertujuan mencungkil bakat warga JPM selain dapat merapatkan perpaduan antara warga JPM dan seterusnya mewujudkan warga kerja dan keluarga jabatan yang cergas dan cerdas serta dapat memikul tanggungjawab yang diamanahkan dalam merancang pembangunan Negara.

Sebagaimana sedia maklum, pertandingan Futsal JPM ini adalah merupakan acara tahunan yang dianjurkan bersama-sama dengan

program dan aktiviti lain di bawah JPM. Sebanyak 21 program dan aktiviti sukan telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2012 dan pada tahun 2013, sebanyak 23 program dan aktiviti sukan juga telah dirancang oleh Kelab Bukit Perdana yang akan dilaksanakan pada setiap bulan.

Rebutlah peluang ini, kerana aktiviti sukan juga akan dapat memupuk nilai-nilai positif serta meningkatkan mutu hidup dan kesejahteraan masyarakat seterusnya membentuk insan yang berkualiti. Di samping itu, ia juga akan mempamerkan nilai-nilai dan semangat kesukanan serta daya juang yang begitu baik. Ini seterusnya dapat membantu melahirkan warga JPM yang sihat, cergas, aktif dan produktif dengan nilai-nilai murni untuk menghadapi cabaran di masa hadapan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Tidak dapat dinafikan, kemenangan memanglah penting dalam setiap pertandingan, tetapi yang lebih utama ialah mengambil bahagian, mengutamakan semangat kesukanan dan matlamat bersukan itu sendiri iaitu untuk mencari kesihatan fizikal dan kesejahteraan diri. Sesungguhnya saya amat berharap agar kita semua dapat menemui, merasai dan

mengecapi matlamat yang dicari serta semangat persaudaraan di antara satu sama lain.

Pada masa sama, saya juga berharap agar semangat bersaing seumpama ini dapat dikekalkan sepanjang masa, bukan sahaja di gelanggang sukan tetapi turut dipamer di gelanggang-gelanggang pekerjaan apabila pulang bekerja di Jabatan masing-masing. Saya yakin jika semangat yang sama dapat sentiasa dikekalkan, jabatan kita akan dapat menjadi jabatan contoh yang mempunyai daya saing dalam pelbagai bidang di peringkat yang lebih tinggi.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan ingin saya ucapkan kepada semua terutama kepada Kelab Bukit Perdana di atas penganjuran Pertandingan Futsal JPM Tahun 2013 ini dengan penuh jayanya. Bagi pasukan-pasukan yang menang nanti saya mengucapkan tahniah dan kepada yang tidak berjaya, kita cuba dan jumpa lagi pada tahun hadapan. Namun pada saya, apa yang lebih penting ialah semangat kesukanan yang ditunjukkan serta peluang untuk berjumpa dengan rakan-rakan dalam suasana yang begitu santai dan mesra. Saya berharap agar aktiviti seperti ini terus menjadi tradisi pada masa yang akan datang.

Dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim, Saya merasmikan Pertandingan Futsal Piala Ketua Setiausaha Negara tahun 2013.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.